

## Prestasi Kukuh TK 2019 Dorong UEM Edgenta Kekalkan Kedudukan

- **Keputusan TK2019 Kukuh;** Pendapatan dan Keuntungan Bersih meningkat sebanyak 10.5% dan 23.4% berdasarkan T-k-T kepada RM2.4 bilion dan RM188.0 juta;
- **Kecekapan dan kemampanan operasi** akan menyumbang kepada prestasi kewangan TK2020;
- **Penyelesaian teknologi** memacu pertumbuhan jangka masa panjang dalam pasaran baharu dan sedia ada.

**Kuala Lumpur, 10 Mac** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, mencatatkan keputusan kewangan yang kukuh bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2019 (“TK2019”), menyaksikan Syarikat mencatatkan Pendapatan dan Keuntungan Bersih sebanyak RM2.4 bilion dan RM188.0 juta, merangkumi peningkatan sebanyak 10.5% dan 23.4% berdasarkan tahun ke tahun (“T-k-T”).

Ini diumumkan oleh Syarikat pada sidang akhbar yang diadakan di ibu pejabat UEM Edgenta hari ini, diketuai oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Azmir Merican, yang turut berkongsi jangkaan Syarikat untuk TK2020.

“Pelaburan kami dalam proses penambahbaikan, teknologi dan kecemerlangan operasi telah membolehkan Syarikat menangani peningkatan kos penghantaran, meningkatkan kecekapan operasi dan melaksanakan penjimatan kos, yang terbukti penting untuk memastikan Syarikat kekal cekap dan berdaya tahan. Penyelesaian berasaskan teknologi akan menjadi keutamaan kami pada masa akan datang, khususnya dalam menerokai pasaran baharu dan sedia ada dengan penyelesaian tersuai yang menawarkan IoT masa nyata dan analisis data untuk mengoptimumkan pengurusan aset”, kata Dato' Azmir Merican.

### **Prestasi TK2019**

Bahagian *Healthcare Support* UEM Edgenta telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan T-k-T sebanyak 15% kepada RM1.1 bilion, hasil daripada kontrak baharu menerusi tender di Singapura untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bukan klinikal bagi kontrak pengelompokan semula hospital-hospital Kementerian Kesihatan Singapura. Bahagian *Property & Facility Solutions* (“PFS”) Syarikat pula telah mencatatkan tahun yang memberangsangkan dengan lonjakan keuntungan bersih T-k-T sebanyak 36.5% kepada

RM23.8 juta. Bahagian *Infrastructure Services* mencatatkan keputusan yang baik dengan peningkatan T-k-T sebanyak 3.8% dan 34.9% untuk pendapatan dan keuntungan bersih kepada RM915.6 juta dan RM110.6 juta meskipun menghadapi cabaran dalam persekitaran operasi. Manakala bahagian *Asset Consultancy* juga merekodkan tahun yang lebih baik, dengan peningkatan pendapatan sebanyak 15.6% dan 23.6% keuntungan bersih bagi tempoh yang sama dalam tahun sebelumnya.

Sejak tahun 2014, UEM Edgenta telah melalui proses transformasi yang signifikan untuk menjadi peneraju dalam segmen Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, dengan peningkatan dalam pendapatan utama dan keuntungan bersih Syarikat untuk kadar pertumbuhan 5 tahun ("CAGR") sebanyak 13.3% dan 10.5%. Pengambilalihan UEMS Group pada tahun 2016 oleh Syarikat khususnya, telah membolehkan kepelbagaian pelanggan yang signifikan dan pengembangan geografi serta memperkukuhkan kedudukan UEM Edgenta sebagai peneraju pasaran dalam perkhidmatan sokongan hospital di Singapura dan Taiwan.

### **Jangkaan TK2020**

Syarikat kekal berwaspada untuk jangka masa pendek berikutan keadaan makroekonomi yang tidak menentu, terutamanya dengan ancaman penularan wabak coronavirus secara global. Oleh itu, TK2020 akan menjadi tahun untuk Syarikat mengekalkan keuntungan dengan memastikan kecemerlangan operasi dan organisasi yang didorong oleh penghasilan produk penyelesaian berasaskan teknologi baharu.

Prestasi kewangan UEM Edgenta kekal kukuh, dengan baki tunai dan bank sebanyak RM621.0 juta pada TK2019 untuk menghadapi ketidaktentuan jangka masa pendek dan memanfaatkan peluang pertumbuhan masa hadapan. Nisbah gearan kasar (*gross gearing ratio*) kekal serendah 0.33x dan hutang bersih Syarikat kekal positif sebanyak RM97.3 juta. Kedudukan kerja semasa setakat 31 Disember 2019 kekal memberangsangkan iaitu sebanyak RM13.2 bilion yang memberikan kestabilan pendapatan jangka panjang dalam sektor *Healthcare Support* dan *Infrastructure Solutions*.

Bahagian *Healthcare Support* Syarikat akan terus mengoptimalkan perkhidmatan sokongan hospital menerusi kejayaan dalam memperolehi kontrak baharu yang bernilai lebih RM900 juta, daripada pengelompokan semula hospital-hospital Kementerian Kesihatan Singapura. Di Malaysia, Syarikat akan terus memberi sokongan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") melalui inisiatif tambah nilai termasuklah usaha untuk menambahbaik jangka hayat keseluruhan peralatan biomedikal yang mampu menghasilkan keputusan yang lebih cekap dan meningkatkan kualiti penjagaan pesakit. Bahagian PFS UEM Edgenta yakin akan memanfaatkan kepakaran teknologi hijaunya untuk menerokai inisiatif berasaskan kemapanan yang berpotensi dan membantu kerajaan mengurangkan kos elektrik serta jejak karbon operasi.

Selepas kejayaan memperoleh kontrak bernilai RM182 juta untuk penyelenggaraan Lebuh Raya Cikampek-Palimanan selama tiga tahun (yang merupakan sebahagian daripada Lebuh raya bertol Trans-Jawa) melalui kerjasama dengan Astra Group, syarikat terkemuka di Indonesia, segmen perniagaan *Infrastructure Solutions* Syarikat akan terus mengorak langkah ke Indonesia serta memperluaskan lagi projek-projek berimpak tinggi di Sarawak, khususnya projek Rangkaian Jalan Pesisir Pantai dan Jalan Utama Kedua. Usaha-usaha signifikan UEM Edgenta untuk menggalakkan penyelesaian berasaskan teknologi dalam segmen ini adalah menerusi *Road Asset Management System* dan *Pavement Research Centre*, yang juga merupakan rancangan Syarikat untuk mengekalkan pertumbuhannya. Segmen perniagaan *Infrastructure Solutions* kini mengendalikan lebih daripada 3,100 kilometer lebuh raya dan jalan negeri di Malaysia dan Indonesia.

-tamat-

### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

---

Disiarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**. Hubungi: Hafiz Noor ([hafiznoor@edgenta.com](mailto:hafiznoor@edgenta.com) / 019-424 8283); atau Juliana Jamaluddin ([juliana\\_jamaluddin@edgenta.com](mailto:juliana_jamaluddin@edgenta.com) / 012-340 9438)